

## **KENYATAAN AKHBAR**

**oleh**

**Y. BHG. PROF. DATO' DR. MOHD. NOH BIN DALIMIN  
PENGERUSI MAJLIS PEPERIKSAAN MALAYSIA**

**tentang**

### **KEPUTUSAN PEPERIKSAAN SIJIL TINGGI PERSEKOLAHAN MALAYSIA TAHUN 2011**

1. Sukacita saya memaklumkan bahawa keputusan peperiksaan STPM 2011 dikeluarkan pada hari ini, Rabu, 7 Mac 2012. Calon sekolah kerajaan dan sekolah swasta boleh mendapatkan slip keputusan di sekolah masing-masing pada jam 12:00 tengah hari pada hari ini manakala calon persendirian akan mendapat slip keputusan mereka melalui pos. Di samping itu, semua calon boleh mendapatkan keputusan peperiksaan melalui laman web MPM [[www.mpm.edu.my](http://www.mpm.edu.my)] dan juga sistem mesej singkat (sms) melalui talian 15888.
  
2. Peperiksaan bertulis STPM 2011 telah dijalankan daripada 21 November hingga 15 Disember 2011 di 744 buah pusat peperiksaan di seluruh negara. Sebanyak 4,942 orang pengawas telah dilantik untuk mentadbirkan peperiksaan ini di seluruh negara, manakala sebanyak 1,788 orang pemeriksa telah dilantik untuk memeriksa skrip jawapan bagi 23 mata pelajaran.

3. Pada tahun 2011, sebanyak 53,687 calon telah **mendaftar** untuk menduduki peperiksaan STPM berbanding dengan 53,671 calon pada tahun 2010. Jumlah calon yang mendaftar **meningkat** sebanyak 16 calon atau 0.03 peratus. Daripada jumlah yang **mendaftar** untuk menduduki peperiksaan STPM 2011, sebanyak 48,247 (89.87%) adalah calon sekolah kerajaan, 1,259 (2.35%) calon sekolah swasta, 3,990 (7.43%) calon persendirian individu, 187 (0.35%) calon sekolah kerajaan negeri, dan 4 (0.01%) calon sekolah integriti. Perbandingan calon STPM 2010 dengan STPM 2011 mengikut jenis calon adalah seperti pada Lampiran 1.
4. Daripada 53,687 calon yang telah mendaftar, hanya 50,669 calon (94.38%) **telah hadir** menduduki peperiksaan STPM berbanding dengan 50,590 calon (94.26%) yang hadir pada tahun 2010.
5. Dari segi jantina, didapati sebanyak 32,580 (64.30%) calon yang hadir adalah calon perempuan, dan 18,089 (35.70%) calon adalah calon lelaki. Seperti pada tahun-tahun yang lalu, ini menunjukkan bilangan calon perempuan yang menduduki peperiksaan STPM 2011 masih mengatasi bilangan calon lelaki, iaitu dengan nisbah 2:1.
6. Dari segi aliran pula, sebanyak 8,133 (16.05%) adalah calon aliran sains, manakala 42,536 (83.95%) adalah calon aliran sastera.
7. Dari segi kaum, bilangan calon Bumiputera yang hadir menduduki peperiksaan STPM 2011 ialah 34,315 (67.72%), kaum Cina 12,614 (24.89%), kaum India 3,082 (6.08%), dan kaum-kaum lain 658 (1.30%).

8. Sebanyak 23 mata pelajaran yang terdiri daripada 56 kertas soalan telah ditawarkan dalam peperiksaan STPM 2011. Calon dibenarkan mengambil lima mata pelajaran termasuk Pengajian Am. Walau bagaimanapun, kebanyakan calon mengambil empat mata pelajaran kerana Kementerian Pengajian Tinggi telah menetapkan bahawa hanya empat mata pelajaran yang diambil kira, iaitu Pengajian Am dan tiga mata pelajaran lain, bagi tujuan pemilihan ke Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA). Hanya 9,290 calon (17.30%) mendaftar untuk mengambil 5 mata pelajaran, manakala 42,899 (79.91%) calon mendaftar untuk mengambil 4 mata pelajaran.
9. Daripada 23 mata pelajaran yang ditawarkan, 10 mata pelajaran mempunyai bilangan calon terdaftar yang banyak termasuk mata pelajaran Pengajian Am yang diambil oleh 53,083 calon. Bagi mata pelajaran sains, **dua** mata pelajaran yang popular ialah **Mathematics T** dan **Chemistry**. Bagi mata pelajaran sastera pula, **tujuh** mata pelajaran yang popular ialah **Bahasa Malaysia**, **Sejarah**, **Pengajian Perniagaan**, **Ekonomi**, **Geografi**, **Kesusasteraan Melayu**, dan **Seni Visual**. Bagi 13 mata pelajaran yang lain, bilangan calonnya kurang daripada 5,000 orang, dan calon yang paling sedikit adalah bagi mata pelajaran **Further Mathematics T**, iaitu hanya 23 calon. Ini dapat dilihat pada Lampiran 2.
10. Empat daripada mata pelajaran yang ditawarkan dalam peperiksaan STPM tidak diajar dalam jadual waktu persekolahan kerana bilangan calon yang terlalu sedikit, iaitu Bahasa Cina, Bahasa Tamil, Literature in English, dan Further Mathematics T.

Calon yang mengambil mata pelajaran ini belajar sendiri ataupun mengikuti kelas tuisyen.

## **ANALISIS KEPUTUSAN PEPERIKSAAN STPM 2011**

11. Pencapaian calon keseluruhan boleh dilihat daripada dua aspek. **Pertama**, dari segi min Purata Nilai Gred Keseluruhan (min PNGK) dan **kedua**, dari segi kelulusan peringkat lulus penuh. PNGK dihitung berdasarkan nilai gred mata pelajaran bagi **empat** mata pelajaran terbaik termasuk Pengajian Am. Pada umumnya, prestasi calon tahun 2011 adalah sama dengan tahun 2010, di mana min PNGK adalah sama, iaitu 2.22.
  
12. Pada tahun 2011, sebanyak **298** calon (**0.59%**) mendapat PNGK 4.00 berbanding 343 calon (**0.68%**) pada tahun 2010. Daripada jumlah ini, 155 orang adalah calon aliran sastera dan 143 orang adalah calon aliran sains. Sebanyak 162 orang daripadanya adalah calon perempuan manakala 136 orang adalah calon lelaki. Begitu juga bagi PNGK 3.50 hingga 3.99, terdapat **3,608** calon (**7.12%**) pada tahun 2011 berbanding dengan **3,631** calon (**7.18%**) pada tahun 2010. Prestasi calon mengikut PNGK bagi tahun 2009, 2010, dan 2011 adalah seperti yang tertera pada Lampiran 3.
  
13. Jika dilihat dari segi kelulusan peringkat lulus pula, sebanyak 46,712 atau 92.19% calon telah lulus penuh bagi **sekurang-kurangnya satu** mata pelajaran dalam peperiksaan STPM 2011 berbanding dengan 46,795 atau 92.50% dalam peperiksaan STPM 2010, iaitu menurun 0.31%.

14. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 2,579 calon (5.09%) telah lulus penuh **lima** mata pelajaran, 20,638 calon (40.73%) lulus penuh **empat** mata pelajaran, 10,221 calon (20.17%) lulus penuh **tiga** mata pelajaran, 7,074 calon (13.96%) lulus penuh **dua** mata pelajaran, dan 6,200 calon (12.24%) lulus penuh **satu** mata pelajaran. Bilangan dan peratusan calon yang lulus penuh dalam peperiksaan STPM 2010 dan STPM 2011 mengikut jenis calon adalah seperti pada Lampiran 4.
15. Jumlah calon yang mendapat lulus penuh dalam lima dan empat mata pelajaran telah menurun, iaitu daripada 23,490 calon (**46.43%**) pada tahun 2010 kepada 23,217 calon (**45.82%**) pada tahun 2011. Jumlah **calon sekolah kerajaan** yang mendapat lulus penuh dalam lima dan empat mata pelajaran juga menunjukkan penurunan, iaitu daripada 22,533 calon (**49.00%**) pada tahun 2010 kepada 22,400 calon (**47.78%**) pada tahun 2011.
16. Berdasarkan prestasi calon mengikut mata pelajaran, didapati sebanyak **tiga** mata pelajaran, iaitu Bahasa Arab, Sejarah, dan Perakaunan meningkat prestasinya dalam peperiksaan STPM 2011 berdasarkan peratusan calon yang lulus penuh berbanding dengan STPM 2010. Ini dapat dilihat pada Lampiran 5.
17. Sementara, sebanyak **empat** mata pelajaran, iaitu Syariah, Pengajian Am, Pengajian Perniagaan, dan Further Mathematics T menurun prestasinya dalam peperiksaan STPM 2011 berbanding dengan STPM 2010. Ini dapat dilihat pada Lampiran 6.

18. Sebanyak 16 mata pelajaran yang lain pula dianggap tidak berubah prestasinya kerana beza peratusan calon yang lulus penuh antara tahun 2011 dengan tahun 2010 kurang daripada 2.00%. Ini dapat dilihat pada Lampiran 7.
19. Dua peratus dianggap tidak berubah kerana penetapan standard mata pelajaran STPM bagi sistem peperiksaan yang sedia ada adalah berdasarkan “rujukan norma”, iaitu mengambil kira perubahan min dan sisihan piawai setiap mata pelajaran. Nilai min dan sisihan piawai yang berbeza antara tahun boleh menyebabkan peratusan calon berubah pada tahap kritikal, iaitu pada Gred C (lulus peringkat prinsipal yang paling rendah).

## **PENGGUNAAN BAHASA INGGERIS DALAM JAWAPAN CALON BAGI MATA PELAJARAN SAINS DAN MATEMATIK**

20. Di peringkat tingkatan enam, pengajaran dan pembelajaran tujuh mata pelajaran, iaitu Mathematics S, Mathematics T, Further Mathematics T, Computing, Physics, Chemistry, dan Biology, masih menggunakan bahasa Inggeris. Walau bagaimanapun, Majlis Peperiksaan Malaysia menyediakan kertas soalan bagi ketujuh-tujuh mata pelajaran tersebut dalam dwibahasa, iaitu bahasa Malaysia dan bahasa Inggeris. Calon dibenarkan menulis jawapan sama ada dalam bahasa Inggeris atau bahasa Malaysia.
21. Pada tahun 2011, sebanyak 98.1% calon telah menjawab soalan dalam bahasa Inggeris sepenuhnya berbanding dengan 97.1% pada tahun 2010, iaitu meningkat sebanyak 1.0%. Peratusan calon yang menggunakan bahasa Inggeris sepenuhnya dalam

skrip jawapan peperiksaan STPM 2009, 2010, dan 2011 dapat dilihat pada Lampiran 8.

### **PRESTASI CALON YANG MENDAPAT 5A dan 4A (PELAJAR CEMERLANG)**

22. Sebanyak 12 calon telah mencapai keputusan cemerlang, iaitu Gred A dalam lima mata pelajaran yang diambil berbanding dengan 8 calon dalam STPM 2010. Daripada jumlah itu, 6 calon ialah pelajar aliran sains, manakala 6 calon lagi ialah pelajar aliran sastera. Senarai calon ini dapat dilihat pada Lampiran 9.
23. Bilangan calon yang mengambil empat mata pelajaran dan mendapat empat Gred A pula adalah sebanyak 254 calon, manakala bilangan calon yang mengambil lima mata pelajaran dan mendapat empat Gred A pula adalah sebanyak 36 calon.
24. Oleh itu, jumlah calon yang mendapat empat Gred A pada tahun 2011 adalah sebanyak 302 calon berbanding dengan 344 calon pada tahun 2010. Bilangan calon yang mendapat gred A dalam lima dan empat mata pelajaran adalah seperti pada Lampiran 10.

### **PERBANDINGAN PRESTASI CALON BANDAR DAN LUAR BANDAR**

25. Jurang antara prestasi calon bandar dan luar bandar masih ketara. Prestasi calon bandar jauh lebih baik daripada calon luar bandar. Bilangan calon bandar yang mendapat 5A, 4A, dan 3A adalah sebanyak 948 (12.64%) berbanding dengan hanya 93 (6.14%) luar bandar.

26. Bilangan calon bandar **aliran sains** yang mendapat 5A, 4A, dan 3A pula adalah sebanyak 357 (14.20%) berbanding dengan hanya 11 (12.64%) luar bandar. Bilangan calon bandar **aliran sastera** yang mendapat 5A, 4A, dan 3A adalah sebanyak 591 (11.85%) berbanding dengan hanya 82 (5.75%) luar bandar. Perbandingan ini dapat dilihat pada Lampiran 11.

## **PRESTASI SEKOLAH**

27. Pada tahun 2011, **prestasi sekolah kerajaan** adalah merosot berbanding dengan tahun 2010. Min PNGK sekolah kerajaan pada tahun 2011 ialah 2.29, berbanding dengan 2.32 pada tahun 2010. Pada tahun 2011, sebanyak 52 buah sekolah mencapai min PNGK 2.80 atau lebih tinggi berbanding dengan 47 buah sekolah pada tahun 2010 dan 55 buah sekolah pada tahun 2009. Perbandingan min PNGK ini dapat dilihat pada Lampiran 12.

## **ANUGERAH PELAJAR CEMERLANG**

28. Daripada **12** calon yang mendapat Gred A dalam lima mata pelajaran, terdapat **5** calon yang mencapai gred A dalam semua kertas peperiksaan yang diambil. **5** calon ini akan diberikan anugerah pelajar cemerlang bagi STPM 2011.
29. Majlis Peperiksaan Malaysia juga memberikan ganjaran khas kepada **3** calon istimewa yang cemerlang dalam peperiksaan STPM 2011 sebagai menghargai usaha mereka untuk mencapai keputusan yang cemerlang walaupun menghadapi pelbagai kesukaran. Di samping itu, Majlis Peperiksaan Malaysia telah mengenal pasti **seorang** pelajar terbaik dari luar bandar dengan

mendapat keputusan **4A** dan **1A-**. Senarai pelajar cemerlang ini adalah seperti pada Lampiran 13.

30. Sebagai menghargai pencapaian cemerlang kesemua kategori pelajar di atas, Majlis Peperiksaan Malaysia akan memberikan ganjaran wang RM1,000, sijil penghargaan, dan sebuah plak kepada setiap pelajar.
31. Selain itu, sukacita saya memaklumkan bahawa pada majlis ini, seperti pada tahun-tahun yang lepas, Majlis Peperiksaan Malaysia memberikan juga anugerah yang sama kepada **dua** calon cemerlang dalam *Malaysian University English Test (MUET)* bagi tahun 2011, masing-masing bagi MUET Pertengahan Tahun 2011 dan MUET Akhir Tahun 2011. Nama kedua-dua calon berkenaan adalah seperti pada Lampiran 14.
32. Di sini saya ingin untuk menyentuh sedikit tentang keputusan **MUET Akhir Tahun 2011** yang telah dikeluarkan pada 12 Januari 2012 yang lalu. Ujian ini telah diadakan dari 11 hingga 13 Oktober 2011 dan 18 hingga 20 Oktober 2011 bagi *Speaking*, manakala bagi ujian bertulis (*Listening*, *Reading*, dan *Writing*) telah diadakan pada 19 November 2011. MUET Akhir Tahun 2011 ini telah diduduki oleh 93,869 orang, iaitu peningkatan sebanyak 9.40% berbanding dengan jumlah calon MUET Pertengahan Tahun 2011, iaitu sebanyak 85,044 orang.
33. Pada keseluruhannya, prestasi calon MUET Akhir Tahun 2011 telah meningkat, iaitu sebanyak 46.80% calon telah mendapat Band 3 atau lebih baik berbanding dengan 41.81% pada MUET

Pertengahan Tahun 2011. Perbandingan ini dapat dilihat pada Lampiran 15.

34. Sejak tahun 1999, ujian MUET telah ditawarkan oleh Majlis Peperiksaan Malaysia sebanyak dua kali setahun. Sebagai langkah proaktif dan memenuhi permintaan pelanggan, mulai tahun ini, Majlis Peperiksaan Malaysia menawarkan ujian MUET sebanyak **tiga kali setahun**, iaitu Sesi Mac, Sesi Julai, dan Sesi November. Sesi Mac telah pun berlangsung pada 3 Mac 2012.

## SISTEM PENTAKSIRAN BAHARU STPM

35. Saya juga ingin mengambil kesempatan di sini untuk mengumumkan bahawa mulai tahun 2012, Majlis Peperiksaan Malaysia akan melaksanakan sistem pentaksiran baharu STPM bagi menggantikan sistem peperiksaan yang sedia ada bermula sesi pengambilan 2012/2013 bagi tingkatan enam bawah. Ini adalah selaras dengan Program Transformasi Pendidikan dan bagi memperkasakan program pendidikan di tingkatan enam.
36. Dengan demikian, pada tahun 2012, sistem peperiksaan STPM akan dijalankan dalam dua mod. Mod pertama ialah sistem peperiksaan STPM sedia ada bagi pelajar yang sedang mengikuti tingkatan enam atas pada tahun 2012. Pelajar ini merupakan kohort terakhir yang akan menamatkan sistem peperiksaan STPM sedia ada.
37. Mod kedua pula ialah bagi pelajar tingkatan enam bawah pada tahun 2012. Mereka merupakan kohort pertama sistem pentaksiran baharu STPM yang akan menduduki peperiksaan penggal 1 persekolahan tingkatan enam pada November 2012.

38. Dalam sistem pentaksiran baharu STPM, tempoh pengajian tingkatan enam dan peruntukan waktu pengajaran adalah sama seperti tempoh dan waktu persekolahan yang sedia ada. Begitu juga dari segi penawaran bilangan mata pelajaran yang tidak berubah, iaitu masih 23 mata pelajaran dan sistem penggredannya yang masih sama dengan sistem yang sedia ada.
39. Dari segi kandungan pengajian, dalam sistem ini, kandungan pengajiannya dibahagikan kepada tiga bahagian kurikulum berdasarkan kelompok tajuk atau mengikut kesesuaian bidang kajian disiplin berkenaan untuk mengisi tiga penggal, iaitu Penggal 1, Penggal 2, dan Penggal 3 dalam tempoh pengajian selama  $1\frac{1}{2}$  tahun.
40. Dalam aspek pentaksiran pula, dua kaedah pentaksiran akan dijalankan, iaitu Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) dengan wajaran 20% hingga 40% dan peperiksaan akhir berpusat dengan wajaran 60% hingga 80%. Buat pertama kalinya, Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) diperkenalkan dalam hampir semua mata pelajaran tingkatan enam. Ini merupakan “sejarah” bagi Majlis Peperiksaan Malaysia setelah terlibat dalam bidang pentaksiran selama 30 tahun.
41. PBS ini terdiri daripada tiga bentuk kerja kursus, iaitu kerja projek atau tugasan, kerja amali dan kajian luar mengikut keperluan mata pelajaran. Kerja kursus ini akan dijalankan dalam setiap penggal atau dalam penggal tertentu sahaja. Penilaian kerja kursus akan dibuat oleh guru mata pelajaran di sekolah dan penyelarasan pentaksiran akan dijalankan oleh Majlis Peperiksaan Malaysia.

42. Pengenalan kepada PBS dalam sistem pentaksiran baharu STPM ini adalah selari dengan hasrat Kementerian Pelajaran Malaysia untuk membangunkan modal insan yang seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani, dan intelek serta memperluaskan peluang pendidikan kepada semua yang berpotensi. Ini juga bertepatan dengan hasrat Kementerian Pelajaran Malaysia untuk memantapkan sistem pentaksiran dan penilaian agar lebih holistik dengan menitikberatkan pendidikan berasaskan hasil (*outcome-based education*) yang lebih berfokuskan pelajar dan tidak terlalu berorientasikan peperiksaan.
43. Pentaksiran pencapaian pelajar akan dijalankan pada setiap penggal dan keputusan peperiksaan juga akan dikeluarkan pada setiap penggal, manakala keputusan keseluruhan peperiksaan STPM adalah berdasarkan gabungan keputusan bagi ketiga-tiga penggal.
44. Satu kelebihan dalam sistem ini ialah pelajar diberi peluang untuk memperbaiki keputusan peperiksaan. Pelajar boleh memperbaiki keputusan akhir Penggal 1 dan/atau Penggal 2 dengan menduduki semula peperiksaan pada hujung Penggal 3. Pelajar yang tidak mencapai keputusan yang baik bagi Penggal 3 boleh juga menduduki semula peperiksaan akhir Penggal 3. Selain daripada itu, beban bagi pelajar untuk mempelajari kandungan kurikulum adalah kurang dan mereka lebih fokus menghadapi pembelajaran. Pelajar juga mempunyai peluang yang lebih besar untuk memperoleh pencapaian yang lebih baik bagi setiap penggal kerana skop pengajian yang dinilai pada setiap penggal adalah kecil.

45. Dengan demikian, Majlis Peperiksaan Malaysia berharap pelaksanaan sistem pentaksiran baharu ini dapat memperkasa dan mengangkat martabat pengajian peringkat prauniversiti di tingkatan enam serta dapat menarik lebih banyak pelajar mengikuti pengajian prauniversiti ini.
46. Para pendidik, pelajar, dan calon STPM boleh merujuk portal Majlis Peperiksaan Malaysia [www.mpm.edu.my](http://www.mpm.edu.my) untuk mendapatkan maklumat lanjut tentang Sistem Pentaksiran Baharu STPM ini.
47. Akhir kata, saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada semua pelajar yang berjaya dalam peperiksaan STPM 2011, dan MUET Pertengahan serta MUET Akhir Tahun 2011, khususnya kepada pelajar yang akan menerima anugerah pelajar cemerlang di majlis ini. Tidak lupa sekalung syabas kepada ibu bapa atau penjaga dan guru para pelajar cemerlang ini.
48. Saya juga ingin merakamkan ucapan terima kasih dan penghargaan kepada semua pihak, khususnya khidmat setia Jabatan Pelajaran Negeri dan Pejabat Pelajaran Daerah yang telah membantu Majlis Peperiksaan Malaysia dalam mentadbirkan peperiksaan STPM dan MUET 2011 ini dengan lancar dan sempurna.

Prof. Dato' Dr. Mohd. Noh bin Dalimin  
Pengerusi  
Majlis Peperiksaan Malaysia